



# **PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU SEKOLAH RENDAH (PGSR)**

**MOD KURSUS DALAM CUTI**

**IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN DENGAN KEPUJIAN**

**MODUL PENDEKATAN PENGAJARAN MUZIK**

**(MZU3111)**



**INSTITUT PENDIDIKAN GURU  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
ARAS 1, ENTERPRISE BUILDING 3,  
BLOK 2200, JALAN PERSIARAN APEC,  
CYBER 6, 63000 CYBERJAYA**

**Berkuat kuasa pada Jun 2010**

## KANDUNGAN

## MUKA SURAT

Falsafah Pendidikan Kebangsaan	i
Falsafah Pendidikan Guru	
Kata-Alu-aluan Rektor	ii
Panduan Pelajar	iii
Pengenalan	v
Agihan Tajuk (Interaksi dan Modul)	vi
Tajuk Pembelajaran	
Tajuk 1: Aplikasi Pendekatan Kodaly	1 - 8
1.0 Sipnosis	
1.1 Hasil Pembelajaran	
1.2 Kerangka Tajuk	
- Tonik Solfa	
- Isyarat Tangan	
- Simbol Notasi dan Sebutan Irama	
Tajuk 2: Aplikasi Pendekatan Orff	9 - 19
2.0 Sipnosis	
2.1 Hasil Pembelajaran	
2.2 Kerangka Tajuk	
- Eksplorasi	
- Imitasi	
- Improvisasi	
- Penciptaan	
Tajuk 3: Aplikasi Pendekatan Dalcroze	20 – 28
2.0 Sipnosis	
2.1 Hasil Pembelajaran	
2.2 Kerangka Tajuk	
- Eurhythmics	
- Solfege	
- Improvisasi	

Bibliografi	29
Panel Penulis Modul	30
Panel Pemurni Modul	31
Ikon Modul	32

## **PENGENALAN**

Kursus MZU 3111 Pendekatan Pengajaran Muzik melibatkan banyak aktiviti “hands-on” dalam pengajaran dan pembelajaran. (Sila rujuk –Agihan Tajuk). Modul ini mengandungi tiga tajuk iaitu Tajuk 1 – Aplikasi Pendekatan Kodaly (Topik 3 dalam proforma), Tajuk 2 – Aplikasi Pendekatan Orff (Topik 6 dalam proforma), Tajuk 3 – Aplikasi Pendekatan Dalcroze (Topik 9 dalam proforma).

Modul ini juga disertakan aktiviti dan latihan untuk pengukuhan pembelajaran. Terdapat beberapa aktiviti dan latihan yang disediakan bagi setiap tajuk. Aktiviti dan latihan tersebut adalah amat sesuai untuk guru-guru pendidikan muzik sekolah rendah mengaplikasikan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran pendidikan muzik di bilik darjah supaya kelas muzik menjadi “fun-learning”. Aplikasi setiap pendekatan dalam modul ini akan membantu seseorang guru muzik meningkatkan prestasi mereka semasa mengajar bidang-bidang tertentu dalam kelas muzik.

Aplikasi Pendekatan Kodaly akan membantu dalam bidang nyanyian di mana murid-murid akan mempelajari pelbagai cara meningkatkan kemahiran menyanyi agar berasa seronok.

Bagi aplikasi Pendekatan Orff pula, guru-guru muzik dapat meningkatkan kemahiran murid-murid semasa melakukan aktiviti “hands-on” dengan alat-alat perkusi berpici dan tanpa pic.

Aplikasi Pendekatan Dalcroze pula merupakan satu cara bagaimana guru muzik dapat meningkatkan kefahaman murid-murid melalui aktiviti pergerakan badan.

Secara keseluruhan dapat dibuktikan bahawa aplikasi setiap pendekatan di atas dapat membantu seseorang guru muzik meningkatkan kefahaman murid-murid yang diajar tentang konsep-konsep muzik melalui aktiviti-aktiviti muzikal yang dilakukan secara “hands-on”.

Setiap aktiviti amali yang ditulis dalam modul ini harus diaplikasikan oleh guru-guru di sekolah dan disimpan dalam folio untuk disemak oleh pensyarah semasa kuliah bersemuka. Sebagai memantapkan lagi kefahaman setiap tajuk dalam kursus ini, pelajar dinasihatkan membuat banyak rujukan dan pembacaan dari buku-buku pendidikan muzik dan laman web. Pelajar juga digalakkan menghubungi pensyarah untuk mendapatkan maklumat lanjut yang berkaitan dengan topik-topik yang dipelajari.

**Kod & Nama Kursus : MZU3111 Pendekatan Pengajaran Muzik**

	<b>AGIHAN TAJUK</b>
---	---------------------

Kandungan modul ini akan menggantikan satu kredit bersamaan dengan 15 / 30 jam interaksi bersemuka. Jadual di bawah menjelaskan agihan tajuk-tajuk untuk interaksi bersemuka atau pembelajaran melalui modul.

(Agihan Tajuk Interaksi Bersemuka dan Modul Mengikut Proforma Kursus)

<b>Bil.</b>	<b>Tajuk/Topik</b>	<b>Interaksi Bersemuka (jam)</b>	<b>Modul (jam)</b>	<b>Jum. Jam</b>
1	Zoltan Kodaly <ul style="list-style-type: none"><li>• Latar belakang</li><li>• Falsafah Kodaly</li></ul>	1	-	1
2	Pengalaman muzikal melalui Pendekatan Kodaly <ul style="list-style-type: none"><li>• Teknik dalam Pendekatan Kodaly (solfa, isyarat tangan, notasi lidi dan sebutan irama)</li><li>• Komponen Kodaly (nyanyian, aktiviti berurutan, penghafazan, pendengaran dalaman dan improvisasi)</li><li>• Bahan muzikal, terutamanya muzik rakyat yang diadaptasi dan bersesuaian dengan budaya dan konteks tempatan</li><li>• Aktiviti muzikal-pembelajaran konsep muzik melalui Pendekatan Kodaly</li></ul>	8	-	8
3	Aplikasi Pendekatan Kodaly <ul style="list-style-type: none"><li>• Rancangan aktiviti muzikal yang sesuai untuk pelajar sekolah rendah</li><li>• Pelaksanaan aktiviti muzikal yang sesuai untuk pelajar sekolah rendah</li></ul>	-	5	5
4	Carl Orff <ul style="list-style-type: none"><li>• Latar belakang</li><li>• Falsafah Orff</li></ul>	1	-	1

<b>Bil.</b>	<b>Tajuk/Topik</b>	<b>Interaksi Bersemuka (jam)</b>	<b>Modul (jam)</b>	<b>Jum. Jam</b>
5	Pengalaman Muzikal melalui Pendekatan Orff <ul style="list-style-type: none"> <li>• Proses Orff (Imitasi, Eksplorasi, Improvisasi dan Literasi)</li> <li>• Peralatan Muzik Orff (suara, badan dan peralatan muzik)</li> <li>• Bahan muzikal yang diadaptasi dan bersesuaian dengan budaya dan konteks tempatan</li> <li>• Aktiviti Muzikal-Pembelajaran konsep muzik melalui pendekatan Orff</li> </ul>	8	-	8
6	Aplikasi Pendekatan Orff <ul style="list-style-type: none"> <li>• Rancangan aktiviti muzikal yang sesuai untuk pelajar sekolah rendah</li> </ul>	-	5	5
7	Emile Jaques-Dalcroze <ul style="list-style-type: none"> <li>• Latar belakang</li> <li>• Falsafah Dalcroze</li> </ul>	1	-	1
8	Pengalaman Muzikal melalui Pendekatan Dalcroze <ul style="list-style-type: none"> <li>• Eurhythmics, Solfege dan Improvisasi</li> <li>• Bahan muzikal untuk aktiviti Eurhythmics, Solfege dan Improvisasi yang diadaptasi dan bersesuaian dengan budaya dan konteks tempatan</li> <li>• Aktiviti muzikal-Pembelajaran konsep muzik melalui pendekatan Dalcroze</li> </ul>	8	-	8
9	Aplikasi Pendekatan Dalcroze <ul style="list-style-type: none"> <li>• Rancangan aktiviti muzikal yang sesuai untuk pelajar sekolah rendah</li> <li>• Pelaksanaan aktiviti muzikal yang sesuai untuk pelajar sekolah rendah</li> </ul>	-	5	5
10	Sintesis Kodaly, Orff dan Dalcroze <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbezaan pendekatan Kodaly, Orff dan Dalcroze</li> <li>• Gabungan unsur Kodaly, Orff dan Dalcroze dan pengaplikasian dalam kelas muzik di sekolah rendah</li> </ul>	3	-	3
	<b>JUMLAH</b>	30	15	45


Disediakan oleh,  
**Pn. Edna Wellington**  
 Ketua Panel Penulis Modul  
 IPG Kampus Ilmu Khas

**Tajuk 3****APLIKASI PENDEKATAN KODALY****Sinopsis**

Dalam tajuk ini anda akan mempelajari tentang aplikasi pendekatan Kodaly.

**Hasil Pembelajaran**

1. Mengaplikasikan kaedah-kaedah pendekatan Kodaly dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik di Sekolah Rendah.
2. Menggunakan nyanyian solfa dan isyarat tangan Curwen untuk mengajar nyanyian.
3. Memahami maksud pendengaran dalaman dan mengaplikasikannya dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.
4. Mencipta irama dan melodi ringkas untuk mengajar improvisasi dan aktiviti soal jawab.

**Kerangka tajuk ini**

### 3.1 Pengenalan

Falsafah yang paling penting dalam pendekatan Kodaly ialah 'Muzik adalah untuk semua orang'. Pedagogi Kodaly menekankan perkembangan kemahiran pengalaman muzikal secara menyeluruh dan berurutan. Kodaly percaya bahawa semua kanak-kanak mempunyai potensi untuk menjadi celik muzik. Mereka hanya perlu diberi peluang untuk memperkembangkan skil persembahan, skil pendengaran dan skil-skil muzik yang lain untuk menjadi celik muzik. Kodaly juga percaya bahawa suara adalah alat muzik yang paling utama kerana ia adalah alat muzik yang semulajadi. Tujuan nyanyian dijadikan fokus adalah kerana kemahiran nyanyian merupakan asas kemahiran bagi semua kemahiran muzik yang lain. Menurut Kodaly, setiap kanak-kanak selalu mempelajari bahasa ibunda mereka terlebih dahulu sebelum mempelajari bahasa yang lain. Maka dalam pengajaran muzik, kanak-kanak harus diajar lagu-lagu rakyat bahasa ibunda mereka sebelum mempelajari lagu-lagu dari bahasa asing.



Sila layari dan rujuk alamat laman web berikut:

<http://musiced.about.com/od/lessonplans/p/kodalymethod.htm>

### 3.2 Pendedahan Kaedah Kodaly Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Muzik

Kaedah Kodaly adalah satu kaedah yang berterusan dan sentiasa berkembang. Banyak perubahan telah berlaku sejak kaedah ini bermula dan sedang dalam proses perubahan untuk mencari cara yang lebih baik lagi untuk memupuk rasa cinta kepada muzik. Kaedah Kodaly menjadi tunjang dan nadi kepada kurikulum muzik di sekolah mahu pun di institut pendidikan guru. Terdapat 3 jenis teknik atau komponen di dalam pengajaran dan pembelajaran kaedah Kodaly iaitu:

- i. Tonik Solfa
- ii. Isyarat Tangan
- iii. Simbol, Notasi dan Sebutan Irama

#### a. Kaedah Kodaly secara berurutan

Kaedah berurutan ini berfokus kepada isi kandungan yang disusun dengan sistematik mengikut kebolehan kanak-kanak pada tahap perkembangannya.

- i. Konsep Irama


Salah satu unsur muzik yang ketara yang boleh dijadikan contoh di sini ialah irama. Irama yang asas didalam kaedah ini ialah irama bersamaan dengan pergerakan kanak-kanak seperti berjalan (krocet – mempunyai nilai 1 kiraan) dan berlari (kuaver – mempunyai nilai ½ kiraan). Elemen-elemen muzik



yang lain seperti bentuk (form), harmoni, tempo, dinamik boleh diatur atau disusun secara berurutan dalam kaedah ini.

## ii. Konsep melodi

Selain konsep irama, konsep melodi juga perlu diperkenalkan secara berurutan. Mengikut perkembangan muzikal kanak-kanak, mereka hanya dapat menyanyikan 5 atau 6 ton dan tidak dapat menghasilkan semiton dalam pic yang tepat. Oleh demikian konsep melodi perlu diperkenalkan dengan 2 pic dahulu, 'so' dan 'mi' yang mempunyai jeda minor ke-3. Mengikut kebiasaan corak jeda ini memang terdapat di dalam kehidupan harian mereka. Contohnya seperti sebutan perkataan berpici:



Didalam kajian konsep melodi, jeda minor ke-3 dan major ke-2 merupakan jeda-jeda yang sama dan lazim digunakan di negara Jepun, Amerika Syarikat dan juga Hungary.

## b. Nyanyian

Suara merupakan satu alat muzik yang semulajadi yang berkesan dan dimiliki oleh semua orang. Kanak-kanak menggunakan suara sebagai alat untuk melahirkan perasaan gembira, sayang, sedih, takut atau seronok. Cara yang baik bagi kanak-kanak menggunakannya untuk menimba pengalaman muzikal ialah kegiatan nyanyian. Oleh itu nyanyian merupakan aktiviti yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran muzik dan asas yang terbaik dalam perkembangan dan kemahiran muzik.



Tuliskan idea-idea anda yang sesuai berdasarkan kaedah Kodaly di atas dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan muzik?

Cuba anda aplikasikan idea anda di dalam kelas pendidikan muzik berdasarkan kaedah di atas.

### c. Pendengaran Dalam

Teknik ini dikenali sebagai 'inner hearing' dan 'inner singing' yang dapat menguji kesemua elemen muzik kanak-kanak. Pendengaran dalaman memainkan peranan yang penting dalam kemahiran muzik seperti nyanyian, permainan alat dan lain-lain bidang muzik. Berikut adalah beberapa aktiviti kemahiran pendengaran dalaman yang boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran muzik:

#### Contoh 1

Gunakan lagu yang mudah seperti Lompat Si Katak Lompat, Bangun Pagi Gosok Pagi, Jong-jong Inai dan sebagainya. Pelajar harus faham bahawa tujuan latihan ini adalah untuk menguji tempo, melodi dan elemen-elemen muzikal lain yang telah mereka pelajari.

Terangkan kepada pelajar bahawa untuk lagu yang dinyanyikan, mereka dikehendaki untuk menyanyi frasa pertama dan kedua dengan kuat dan nyanyikan frasa ketiga dalam kepala. Dengan erti kata lain pelajar-pelajar dikehendaki untuk terus menyanyi dengan senyap. Kemudian frasa yang terakhir perlu dinyanyikan kuat semula.

#### Contoh 2

Meneka lagu. Guru menggunakan isyarat tangan solfa kepada sesuatu melodi dan meminta murid-murid menyanyikan dengan senyap di dalam kepala. Setelah guru memberi masa untuk murid-murid merasai melodi itu, guru akan meminta murid menyanyikan keratan melodi tersebut secara kuat.



Cuba anda fikirkan apakah kepentingan pendengaran dalaman kepada pelajar dalam pendidikan muzik?

Buatkan nota ringkas dan simpan di dalam folio anda.

### d. Penghafalan

Kanak-kanak biasanya merasa seronok apabila mempelajari sesuatu lagu itu dengan cara menghafal atau 'learning by heart'. Namun ada cara yang lebih menarik dalam memperkembangkan aspek ini. Ia boleh dilakukan melalui teknik permainan.

#### Contoh 1.

- Guru membuat isyarat tangan dan murid menghafalnya sambil berfikir melodi tersebut.
- Murid membuat isyarat tangan serta menyanyikan melodi itu kepada solfa.

- Proses diulang dengan motif-motif yang pendek.  
(Setelah latihan dijalankan beberapa kalai murid diberi latihan dengan menggunakan motif yang lebih panjang)

### Contoh 2

- Guru menggunakan skel pentatonik sebagai bahan penghafalan.
- Murid diberi sehelai kertas dimana dibahagian kiri telah diisi dengan not-not pada baluk. Dibahagian kanan pula dikosongkan.
- Murid mendengar guru memainkan 2 atau 3 not dikibod berulang-ulang.
- Murid digalakan berfikir dahulu sebelum menulis balik pada baluk disebelah kanan.
- Setelah selesai menulis, murid menyanyi not-not yang ditulis di baluk tadi.  
(Aktiviti ini boleh menggunakan symbol atau notasi lidi dengan nama solfa)



Anda dikehendaki berbincang dengan rakan sebaya (mengggunakan OLL).



Kumpul maklumat serta bahan mengenai kaedah penghafalan. Masukkan semua bahan-bahan dalam folio anda.

### e. Improvisasi

Aspek ini diperkenalkan sebagai satu cara untuk menentukan samada murid dapat memahami konsep muzik yang dipelajari serta member keyakinan kepada mereka.

Contoh : Permainan Baling Tepuk

- Guru akan membaling 'bola sakti' kepada murid bertuah.
- Guru akan bertepuk atau menggerakkan anggota badannya pada detik sambil murid mendengar.
- Murid tersebut digalakkan respon melalui bertepuk atau menggerakkan anggota badan pada satu corak yang lain.



Tuliskan idea-idea anda yang sesuai berdasarkan kaedah Kodaly di atas dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan muzik?

Cuba anda aplikasikan idea anda di dalam kelas pendidikan muzik berdasarkan kaedah di atas.

## f. Teknik/Komponen Kaedah Kodaly

### i. Tonik Solfa

Kodaly menggunakan system 'do' bergerak yang berasal dari Guido Arezzo (Itali) pada Abad ke 11. Dalam system ini, tonik solfa atau tonik pusat dalam sesebuah lagu ialah 'do' dalam nada major dan 'la' dalam nada minor. Ini memudahkan pelajaran nyanyian semerta.

Nada Major :        d        r        m        f        s        l        t        d'

Nada minor :        l        t        d        r        m        f        s        l'

Tonik Solfa menekankan perhubungan pic dan fungsinya dalam sesuatu sitem tonal. Apabila kanak-kanak dapat menguasai tonik solfa dengan selesa melalui nyanyian, membaca dan menulis skor mereka boleh diperkenalkan dengan not nama abjad.

Nyanyian pic dalam jeda minor ke 3 (so – mi) merupakan pengajaran asas. Dengan menggunakan tonik solfa kanak-kanak yang kenal dua not yang berpici ini boleh membacakan not ini pada baluk dimana-mana posisi. Kodaly berpendapat skel pentatonic (5 ton) amat sesuai digunakan kerana skel itu merupakan skel asas untuk lagu rakyat Hungary yang berciri mood minor.

### ii. Isyarat Tangan

Isyarat tangan merupakan sejenis lambang yang berasal dari Hebrew dan Mesir kuno. Ia boleh dilakukan untuk menggambarkan tinggi rendah sesuatu pic apabila dinyanyikan. Kanak-kanak biasanya menggunakan satu tangan (tangan yang menulis) untuk isyarat tangan. Isyarat-isyarat ini dilakukan dibahagian hadapan badan dengan permulaan 'do' pada aras bahagian pinggang dan 'la' pada aras bahagian mata. Jarak dalam isyarat tangan menunjukkan jeda yang dinyanyikan dan ditunjukkan. Jarak 'so' – 'mi' lebih jauh dari jarak 'so' – 'la' atau 'do' – 're'. Oktaf menggunakan isyarat tangan yang sama tetapi pada jarak yang berdasarkan skala.

**iii. Simbol notasi lidi dan sebutan**

Berikut adalah diantara urutan irama yang digunakan di dalam Kaedah Kodaly.

Simbol

Muzik bergerak dalam beat yang stabil




Meter – muzik bergerak dalam kumpulan beat yang mempunyai tekanan




Ikón


i. Irama



ii. Pic (Kontur melodi)



iii. Notasi Lidi dengan Pic



iv. Notasi Lidi dan Sebutan Irama

○ - ta - a - a - a

d - ta - a

| - ta

□ - ti - ti

□□□ - ti - ri - ti - ri



1. Anda dikehendaki mencari bahan dari pelbagai sumber bagi mendapat maklumat berkaitan dengan teknik tonik solfa, isyarat tangan dan simbol notasi.
2. Semua maklumat yang diperolehi yang dihasilkan hendaklah dimasukkan ke dalam portfolio. Portfolio perlu diserahkan semasa interkasi bersemuka.
3. Cuba anda aplikasikan idea anda di dalam kelas pendidikan muzik berdasarkan kaedah di atas.



Cuba anda fikirkan bagaimana teknik Kodaly di atas dapat membantu anda dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan muzik di dalam bilik darjah. Buat nota ringkas.



Sila layari dan rujuk alamat laman web berikut:

[http://en.wikipedia.org/wiki/Kod%C3%A1ly\\_Method](http://en.wikipedia.org/wiki/Kod%C3%A1ly_Method)




**Tajuk 2****APLIKASI PENDEKATAN ORFF****Sinopsis**

Dalam tajuk ini anda akan mempelajari tentang pendekatan pengajaran Orff. Orff menekankan beberapa elemen penting dalam kaedah pendekatannya terhadap kebolehan tingkah laku muzikal kanak-kanak. Antara elemen-elemen yang di senaraikan adalah eksplorasi, imitasi, improvisasi dan penciptaan.

**Hasil Pembelajaran**

1. Mengaplikasi pendekatan muzik Orff dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik Sekolah Rendah.
2. Mengenal pasti kesesuaian penggunaan pendekatan muzik Orff dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik Sekolah Rendah.
3. Mensintesis pelbagai pengalaman muzik dalam pendekatan muzik Orff.

**Kerangka tajuk ini**

## 2.1 Pendahuluan

Carl Orff dilahirkan pada 10 Julai 1895 di Munich, Germany dan meninggal pada 29 Mac 1982. Merupakan seorang komposer yang berjaya pada abad ke 20 dan kejayaan paling cemerlang dan banyak memberi kesan adalah di dalam bidang pendidikan. Beliau banyak menghasilkan bahan–bahan pengajaran untuk kanak–kanak dalam menghasilkan muzik seperti menggunakan suara iaitu alat muzik yang *natural* dan alat –alat perkusi yang ringkas.

Pengajaran Orff bermula dengan menggunakan ritma ( *rhythm* ) sebagai elemen muzik yang asas, menari dan pengucapan ( *speech* ). Semua ini digabungkan dan digunakan sebagai satu bahasa dalam pengajaran muzik kepada kanak–kanak. Improvisasi juga merupakan asas pengajaran yang penting dalam pendekatan Orff.

Beliau juga menghasilkan bahan–bahan untuk orang–orang dewasa seperti *Oedipus Rex*, *The Wedding*, oleh Stravinsky, yang memberi penekanan terhadap ostinato, *pulsation* dan dan penggunaan suara secara terus untuk menghasilkan sesuatu emosi. Beliau juga menghasilkan kaedah pengajaran muzik yang diintegrasikan di antara pengucapan, pergerakan dan tarian yang dinamakan '*schulwerk*' atau '*schoolwork*'.

*Schulwerk* adalah merupakan pendekatan pengajaran muzik yang berkembang dalam tahun 1920 an dan 1930 an semasa Orff menjadi pengarah di sekolah tarian dan muzik yang dikenali sebagai Gunther – Schule. Salah satu hasil usaha beliau yang paling diingati adalah *schulweek* (*muzik for children*) iaitu muzik untuk kanak – kanak. Ianya merupakan satu instrumentasi muzik yang mudah bagi kanak- kanak membuat persembahan. Di antara elemen- elemen penting yang selalu digunakan dalam pengajaran adalah **melodi** dan **ritma** yang selalunya disertakan dengan perkataan.

Pendekatan Orff berkembang bukan hanya untuk kanak- kanak tetapi bagi orang dewasa juga. Pendekatan ini berdasarkan kepada kepercayaan beliau bahawa kaedah yang mudah untuk mengajar muzik adalah dengan



memperlihatkan perhubungan semula jadi pelajar–pelajar terhadap ritma dan melodi, dan ianya berlangsung secara semula jadi. Orff merumuskan perkara ini dengan mengadakan program yang dirancang dengan sempurna dan berhati – hati. Ia bermula dengan corak pengucapan, gerakan berirama dan ton dua notasi serta pergerakan yang logik dalam melodi pentatonik.

Improvisasi adalah amat di galakkan dalam pendekatan Orff. Pengenalan kepada melodi major dan minor berlaku dalam programnya dengan menggunakan kumpulan peralatan muzik seperti *glockenspiels*, *xylophones*, *metallophones*, *drums* dan lain–lain alat perkusi.

## **2.2 Pendekatan Orff**

Dalam pendekatan pengajaran Orff, beberapa elemen muzik yang penting digunakan antaranya eksplorasi, imitasi, improvisasi dan penciptaan yang mana akan meningkatkan daya kreativiti kanak-kanak melalui tindak balas semula jadi mereka terhadap muzik.

### **2.2.1 Eksplorasi**

Orff menggalakkan kanak-kanak menerokai serta melakukan eksperimen dengan bunyi-bunyi muzikal dan gerakan berdasarkan kreativiti semula jadi mereka. Proses ini merangkumi beberapa aspek iaitu penerokaan ruang, bunyi dan bentuk.

- **Penerokaan Ruang**

Dalam penerokaan ruang kanak-kanak digalakkan melakukan aktiviti pergerakan berdasarkan naluri semula jadi mereka berdasarkan rangsangan dari luaran dan dalaman. Pergerakan ini meliputi apek berjalan, berlari melompat dan sebagainya. Dalam penerokaan ini guru hanya berperanan sebagai fasilitator untuk membantu menggalakkan aktiviti pelajar.



Ciptakan beberapa gerakan kreatif berdasarkan muzik instrumental sepanjang 16 bar yang anda rakamkan. Cuba aktiviti ini dengan murid-murid anda di sekolah sewaktu kelas pendidikan muzik.

- Penerokaan bunyi

Orff memulakan dengan penerokaan bunyi-bunyi berdasarkan apa yang berlaku dalam kehidupan seharian seperti bunyi-bunyi yang bisa didengar. Antaranya bunyi ketukan pintu, kereta, angin, ombak dan sebagainya. Bunyi-bunyi ini akan menjadi lebih teratur dengan menciptakan beberapa corak irama.



Anda dikehendaki berbincang dalam kumpulan kecil dan hasilkan beberapa corak irama berdasarkan bahan-bahan buangan untuk penerokaan bunyi. Catitkan corak irama yang diciptakan dan simpankan dalam folio anda.

- Penerokaan bentuk

Penerokaan bentuk berlaku serentak dalam penerokaan ruang dan bunyi. Apabila kesemuanya di gabungkan dan disusun kanak-kanak akan diajar untuk mengenal bentuk-bentuk frasa dalam gerakan ataupun corak .



Bincangkan bersama rakan-rakan anda aktiviti yang sesuai untuk penerokaan bentuk. Cuba laksanakan aktiviti tersebut bersama murid-murid anda.

### 2.2.2. Imitasi

Menurut Orff kanak-kanak mudah belajar sesuatu kemahiran melalui proses imitasi. Proses ini adalah amat penting untuk memperkembangkan potensi muzikal kanak-kanak. Sebagai contoh dalam pengajaran muzik di bilik darjah guru menepuk satu corak irama manakala murid-murid akan meniru tepukan gurunya.



Cipta dan catitkan beberapa corak irama secara sepontan dan cuba lakukan aktiviti seperti yang dinyatakan di atas dengan murid-murid anda.

### 2.2.3 Improvisasi

Improvisasi merupakan komponen yang diberi penekanan dalam pendekatan pengajaran Orff. Dalam membincangkan tentang improvisasi yang dikatakan hanya untuk orang dewasa, Orff cuba menonjolkan konsep improvisasi yang ada pada diri kanak-kanak. Dalam proses ini tiada undang-undang ditetapkan. Guru boleh menetapkan lapangan atau di mana kanak-kanak boleh mengembangkan daya kreativiti masing-masing dalam mencipta irama melodi atau menari mereka. Contoh aktiviti improvisasi melodi menggunakan alat muzik Orff. Tetapkan alat muzik tersebut dalam nada C pentatonik. Ini memberi kebebasan kepada pelajar membuat improvisasi tanpa memukul not-not yang tidak berkaitan. Dengan ini pelajar / kanak-kanak diminta mencipta atau membuat lagu sendiri mengikut kreativiti masing – masing.



Layari laman web berikut untuk rujukan alat muzik Orff

<http://www.classicsforkids.com/teachers/training/orffinstruments.asp>



#### **Contoh aktiviti untuk improvisasi irama.**

Cuba aktiviti ini dengan murid-murid anda.

Murid-murid dikehendaki mencipta corak irama dalam meter lazim duaan/empatan dan melaksanakan aktiviti ini secara permainan soal jawab.

Anda dikehendaki mencatatkan respon murid-murid semasa aktiviti dilaksanakan.

#### **Contoh untuk improvisasi melodi dalam nyanyian**

Guru membimbing murid-murid mencipta melodi sendiri dengan menggunakan not-not dari 'do' ke 'so'.

Catitkan respon murid-murid dalam folio anda.

## 2.2.4 Penciptaan

Fasa terakhir dalam pendekatan Orff ialah mengalakkan kanak-kanak melakukan penciptaan dengan menggunakan bahasa asas. Peringkat ini menggunakan cerita kanak-kanak dan puisi sebagai bahan asas berirama, gerakan, nyanyian, dan permainan alat- alat Orff.



Layari laman web dan cari aktiviti-aktiviti penciptaan Pendekatan Orff yang anda dapat aplikasikan dalam kelas pendidikan muzik di sekolah rendah.

## 2.3 Proses pengajaran Orff

### 2.3.1 Apakah proses pengajaran Orff ?

Orff Schulwerk adalah pendekatan pembelajaran muzik yang merangkumi segala aspek dalam ekspresi muzik. Sebagaimana yang diketahui, kanak–kanak belajar dalam situasi yang aktif, di mana proses peniruan dan penerokaan akan membimbing mereka untuk melakukan improvisasi dan memahami muzik.

Pertuturan, lagu, pergerakan dan alat muzik adalah komponen penting untuk mengajar irama, melodi, bentuk, harmoni dan *timbre*. Semua ini penting bagi kanak–kanak merasai dan membuat irama dan melodi sebelum mempelajari membaca dan menulis muzik. Hal ini sama seperti proses kanak-kanak belajar bercakap sebelum belajar membaca atau menulis, kanak-kanak tersebut perlu ada kemahiran sedia ada sebelum didedahkan dengan kemahiran–kemahiran yang lain. Proses pengajaran Orff adalah berkaitan dengan perkembangan kanak-kanak. Beliau percaya kanak–kanak menguasai dan mengembangkan pemahaman sendiri terhadap sesuatu konsep muzik itu melalui pengalaman atau merasai konsep itu terlebih dahulu. ***"Experience first, intellectualize second."***

Melalui penggunaan alat–alat perkusi, pergerakan, permainan, aktiviti nyanyian, penerokaan irama dan drama, kanak –kanak akan mempelajari dan mengenal pasti bakat muzik di dalam diri mereka sendiri. Pendekatan Orff amat

berguna dan memberi kesan terhadap perkembangan muzik bagi semua peringkat umur dan tahap. Ianya sesuai bagi pembelajaran sendiri bagi setiap pelajar sekolah, baik di sekolah rendah mahu pun menengah.

### **2.3.2 Contoh pengajaran Ostinato perkusi badan / *body percussion***

#### **Langkah pengajaran**

- Mempelajari setiap Ostinato secara berasingan.
- Pelajar diminta menepuk baris pertama.
- Apabila pelajar menyanyikan baris ke 2, guru akan melibatkan diri. Latihan ini akan memperkembangkan kepercayaan kepada keupayaan sendiri, keyakinan diri dan merupakan cara yang baik untuk menilai ketepatan tempo di dalam diri kanak - kanak .

### **2.3.3 Pengajaran dengan menggunakan alat muzik Orff**

Penggunaan alat muzik Orff bukan sahaja mempertingkatkan kebolehan persepsi oral dan skel tetapi juga mempertingkatkan kebolehan visual serta hubungan antara jeda. Dalam penggunaan alat muzik di peringkat awal, corak irama *Bordun* digunakan untuk mempertingkatkan kemahiran konsep tempo.

Contoh pengajaran :

- Lagu dihafal dengan menggunakan solfa dan isyarat tangan.
- Guru menyanyikan corak irama melodi dan memainkan selepas didengari. Proses ini berulang-ulang sehingga pelajar tahu memainkan setiap not dari lagu tersebut.

### **2.3.4 Pendedahan atau pengenalan awal alat muzik Orff kepada pelajar boleh melibatkan beberapa cadangan berikut ;**

- Pengalaman konsep tinggi dan rendah, laju dan perlahan serta kuat dan perlahan.
- Pengenalan konsep *echoing patterns* yang di demonstrasikan oleh guru dan

pelajar.

- Menunjukkan gambar tentang penggunaan skel melalui isyarat tangan *hand-singing, solfege*.
- Mengajar notasi muzik menggunakan sukatan pengajaran solfa (*solfege syllables*) dan mengalihkannya kepada baluk.
- Memberi pengalaman tentang kreativiti dan improvisasi menggunakan konsep menilai diri sendiri (*learned will enable you*) guru akan membantu mengenal pasti pelajar atau kanak – kanak tersebut.

Berikut pula adalah cadangan beberapa langkah untuk mengajar melodi secara berturutan iaitu So - Mi ( jeda pertama yang diajar ), So - La – Mi, So - La - Mi - Do dan Mi - Re - Do Begitu juga dengan tangga nada, ianya perlu diajar dan diantaranya seperti tangga nada *pentatonic, hexatonic, heptatonic, diatonik* dan *modes*.

#### **2.4 Aplikasi pendekatan Orff dalam sistem pengajaran dan pembelajaran muzik di Malaysia.**

Seperti mana yang telah dijelaskan di atas, terdapat beberapa elemen penting dalam pendekatan pengajaran Orff iaitu ritma / rentak, melodi dan improvisasi yang mana akan meningkatkan daya kreativiti kanak- kanak melalui tindak balas semula jadi mereka terhadap muzik.

Pernyataan di atas menunjukkan bahawa pendekatan Orff memang sesuai untuk di aplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran muzik di Malaysia. Persoalannya, mampukah guru–guru muzik di negara kita ini menterjemahkan pendekatan Orff ini dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah?. Atau, cukupkah ilmu pengetahuan guru–guru muzik tentang pendekatan Orff?. Untuk menjawab persoalan–persoalan ini, kita seharusnya menilai diri sendiri sebagai seorang guru muzik.

Menurut pendapat Orff, suara kanak – kanak itu sendiri merupakan satu elemen muzik yang boleh digunakan sebagai alat untuk menyampaikan konsep muzik kepada kanak–kanak tersebut. Sekiranya pendekatan ini difahami dan digunakan dengan cara baik dan kreatif oleh guru–guru muzik , maka tidak mustahil, sesi pengajaran dan pembelajarannya akan lebih bermakna dan berkesan. Agak malang sekiranya guru–guru muzik beralasan tidak dibekalkan dengan cukup alatan muzik, maka kelas muzik tidak dapat dijalankan.

Apa yang pasti mengikut pendekatan Orff juga, penggunaan perkusi badan (*body percussion*), pergerakan mudah, permainan dapat membawa kakak–kanak atau pelajar menerokai muzik dan memahami konsep-konsep muzik yang ingin disampaikan oleh seseorang guru. Ini kerana pendekatan Orff menekankan kepada empat komponen yang utama iaitu penerokaan, imitasi, improvisasi dan penciptaan.

Penerokaan terbahagi kepada dua iaitu penerokaan ruang dan bentuk. Imitasi pula merupakan model kreativiti dan merupakan peranan penting dalam pendekatan Orff. Proses ini diringkaskan seperti berikut :

**Pemerhatian → Imitasi → Ekperimen → Kreativiti**

Improvisasi juga amat digalakkan dalam pendekatan Orff. Ianya dapat menggalakkan pelajar untuk menerokai muzik dengan menggunakan daya kreativiti sendiri dan boleh dilakukan secara individu atau pun berkumpulan. Begitu juga dengan penciptaan, yang mana pelajar akan melakukan penciptaan dengan menggunakan alatan asas (alat muzik Orff) untuk mencipta *rondo, suite* mini, variasi dan lain - lain.

## 2.5 Beberapa cadangan Pendekatan Orff untuk diaplikasikan dalam bilik darjah

Seterusnya adalah beberapa cadangan atau pandangan tentang penggunaan pendekatan Orff yang boleh diaplikasikan di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Antaranya seperti berikut :

- menggunakan pergerakan dan pertuturan kanak–kanak atau pelajar yang semula jadi untuk memulakan pengalaman muzik dengan menggunakan corak atau pola irama yang terdapat dalam peribahasa, lagu–lagu dan sebagainya.
- mendedahkan kanak–kanak atau pelajar kepada sesi pengajaran dan pembelajaran muzik yang seronok melalui penglibatan yang aktif dalam sebarang aktiviti muzik.
- menggalakkan penggunaan alat–alat muzik perkusi yang disediakan di sekolah untuk memberi peluang kepada kanak–kanak atau pelajar memperkembangkan kepekaan dan sensitiviti mereka sendiri.
- Menggalakkan penggunaan jeda minor ketiga yang menurun (so – mi) untuk memulakan pemahaman kanak–kanak atau pelajar tentang melodi, juga berkesan untuk penguasaan *solfa*.
- Penggunaan skel pentatonik untuk memudahkan proses pemahaman dan menggalakkan kanak–kanak atau pelajar untuk melakukan improvisasi serta melakukan ciptaan yang mudah.



Cuba anda fikirkan satu aktiviti yang menggabungkan sekurang-kurangnya dua komponen Pendekatan Orff dan aplikasikan aktiviti tersebut dalam kelas pendidikan muzik anda. Catatkan respon murid-murid selepas aktiviti tersebut dilaksanakan.



## 2.6 Kesimpulan

Secara umumnya setiap pendekatan muzik sama ada, Orff, Kodaly atau Dalcroze, memang sesuai diaplikasikan dalam sistem pengajaran dan pembelajaran muzik di negara kita ini. Secara ringkasnya dapatlah disimpulkan bahawa, sebagai seorang guru, kita seharusnya sentiasa berusaha untuk menambahkan ilmu dan mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan ianya berjalan dengan baik dan berkesan. Ini amat penting bagi memartabatkan lagi profesion guru muzik itu sendiri di sekolah–sekolah, juga dapat melahirkan pelajar – pelajar yang celik muzik iaitu mereka yang tahu menilai mana yang baik dan buruk dalam muzik itu.




**Tajuk 3****APLIKASI PENDEKATAN DALCROZE****Sinopsis**

Dalam tajuk ini anda akan mempelajari tentang Pendekatan Dalcroze. Pendekatan Dalcroze adalah pendekatan yang menggunakan kaedah muzik dengan gerakan. Komponen-komponen utama dalam Pendekatan Dalcroze dikenali sebagai Eurhythmics, Solfege dan Improvisasi. Ketiga-tiga komponen ini jika digabungkan dalam aplikasi pendidikan muzik akan dapat memberikan kesan yang sangat baik dan positif dalam pengajaran dan pembelajaran muzik.

**Hasil Pembelajaran**

1. Mengaplikasikan pendekatan muzik Dalcroze dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik di Sekolah Rendah.
2. Mengenal pasti kesesuaian penggunaan pendekatan muzik Dalcroze dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik di Sekolah Rendah.
3. Mensintesis pelbagai pengalaman muzik dalam pendekatan muzik Dalcroze.

**Kerangka tajuk ini**

### 3.1 Pengenalan

Dalcroze berpandangan bahawa muzikaliti hadir di dalam diri setiap individu. Gaya seseorang berjalan, irama badan, gerak-geri serta pernafasan yang dilakukan secara biasa oleh manusia menjadi sumber asas sebagai tindak balas atau respon terhadap muzik atau rangsangan muzik. Dalam kajian yang telah dilakukan tentang penerimaan diri manusia terhadap muzik, beliau mendapati bahawa latihan latih-tubi pendengaran (aural training) adalah perkara yang amat penting bagi pelajar muzik. Melalui kajian 'inner hearing' yang telah dijalankan terhadap pelajarnya melalui latihan nyanyian, kemampuan pelajar mendengar muzik secara mental semasa membaca skor muzik dapat dipupuk dan dipertingkatkan.



Anda dikehendaki mencari maklumat berkenaan Dalcroze di Perpustakaan.

### 3.2 Konsep Eurhythmic, Solfege dan Improvisasi

#### 1) Apakah maksud Eurhythmics?

Eurhythmic: pergerakan yang melibatkan seluruh anggota badan dengan iringan muzik atau tanpa muzik. Tubuh badan menjadi alat muzik utama. Perkara asas kepada seni muzik adalah emosi manusia. Sesuatu idea muzik boleh diinterpretasikan melalui pergerakan badan dan sesuatu pergerakan badan pula boleh ditukarkan kepada sumber muzik.

*'Harus berlaku satu reaksi dari minda manusia yang membayangkan sesuatu dan tubuh badan yang bertindak respon dengan segera.'*(A.E. Gillespie dan D. Woods, 1984).

Eurhythmics memerlukan penglibatan diri individu secara total menyeluruh yang melibatkan penyatuan minda, anggota badan serta emosi diri secara total.

- Mendengar
- Merasai
- Berimajinasi
- Menginterpretasi bunyi
- Bertindak/respon/bergerak
- Untuk membayangkan maksudnya secara luaran.

Sebagai contoh: menepuk tangan untuk menunjukkan ritma muzik dan menghentak kaki menunjukkan nilai not. Antara perkara penting yang boleh diinterpretasikan ialah lagu yang berasaskan lirik dan unsur/konsep muzik : irama, tekanan, detik, sinkopsi, perbezaan pic, kontur melodi, dinamik, tempo, bentuk yang terkandung dalam muzik sedia ada, jika interpretasinya itu disusun secara terurus ia boleh terhasil sebagai satu bentuk koreografi.

## 2) Apakah maksud solfege?

Solfege: Dalam pendekatan Dalcroze ia adalah satu latihan pendengaran (aural). Pendengaran boleh meningkatkan kesedaran pic, perbezaan ton dan perbezaan kualiti ton. Pendengaran dalaman juga dapat meningkatkan daya ingatan. Latihan ini jika dilakukan secara bersistematik dan berterusan dapat meningkatkan keupayaan mendengar (ear-training) dan nyanyian semerta (sight-singing). Boleh juga meningkatkan nyanyian paduan suara (harmoni) melalui pendengaran dalaman '**inner hearing**'

### **"Internal Hearing" atau Pendengaran Dalaman**

Pendengaran dalaman dapat membantu memupuk kemahiran pelajar muzik dalam mendengar muzik secara mental semasa membaca skor muzik. Aktiviti ini lebih kepada aktiviti yang boleh meningkatkan kemahiran solfege. Murid juga dapat memikirkan bunyi yang dihasilkan dengan menulis atau membaca notasi tanpa menggunakan peralatan muzik. Pendengaran dalaman juga boleh diambil contoh sebagai menyebut lirik dan dinyanyikan dalam hati. Konsep ini dapat dicapai dengan latihan berterusan.

Solfege dan eurythmics saling bersaing dalam pendidikan muzik untuk melatih pendengaran, begitu juga ritma dan pic.

## 3) Apakah maksud improvisasi?

Improvisasi: Cantuman eurythmic atau prinsip irama dengan solfege menjadikan Improvisasi. Improvisasi juga merupakan satu kreativiti dalam pendekatan Dalcroze. Melalui improvisasi, khususnya dilakukan dengan alat piano dapat menambah kesedaran motor tactile (melibatkan sentuhan) individu. Menghasilkan ciptaan sendiri yang kreatif berdasarkan kepada kegiatan-kegiatan eurythmic dan solfege, iaitu satu keadaan di mana seorang guru telah memainkan satu bentuk irama muzik dan, apabila murid memainkan irama itu, mereka telah mengubah (adlibtum) sedikit tanpa mencatatkan tempo dan juga detiknya.

## Aktiviti dan Latihan

### 1. Aktiviti Eurythmics

#### *Main Lompat*

***Mari main lompat bersama kawan,  
Lompat ke kiri, lompat ke kanan,  
Pusingkan badan,  
Tepuk di atas tepuk di bawah,  
Kecilkan badan Lompat tinggi sampai ke awan.***

**(Pendidikan Muzik KBSR Tahun Dua:UNiK)**

Aktiviti yang boleh dilakukan adalah nyanyian dan gerakan badan. Murid boleh melakukan gerakan mengikut rentak dan lirik lagu.

## MAIN LOMPAT

Mohd. Dawam Daldiri

Riang

Ma - ri ma - in lom - pat ber - sa - ma ka - wan

lom - pat ke ki - ri lom - pat ke ka - nan,

Pu - sing - kan ba - dan, Te - puk di a - tas

te - puk di ba - wah Ke - cil - kan ba - dan,

lom - pat ting - gi sam - pai ke a - wan.

Proses aktiviti Eurhythmics :

- Menyanyikan lagu Main Lompat
- Sambil menepuk tangan untuk not kuaver, melompat untuk not krocet dan depakan tangan ke atas untuk not minim.
- Pastikan murid melompat ke kiri dan ke kanan mengikut lirik lagu tersebut dan pusingkan badan.



### Latihan 1

Anda dikehendaki mencari satu lagu yang mudah dan cadangkan beberapa gerakan lain selain contoh yang telah diberikan di atas. Rekod dan serahkan kepada pensyarah anda semasa aktiviti bersemuka.

## 2. Aktiviti Solfege

Mendengar dan bertindak kepada pic- tinggi, rendah dan setara. Biasanya dalam permainan Dalcroze, pada peringkat permulaan latihan pendengaran, murid dikehendaki mendengar suara mereka sendiri dan mengecam apa yang dilakukan seperti bersiul, menjerit, menyanyi dengan suara tinggi dan rendah, bercakap dan bunyi vokal.

Aktiviti:

***Dalam meter 4/4 guru memainkan/menyanyikan secara "humming @ lalala" dalam satu not /pic sahaja(contoh : not G) sepanjang 2 bar. Kemudian guru memainkan pula not yang menaik dari C ke C' ( satu oktaf ) sepanjang 2 bar. Kemudian guru memainkan not yang menurun sepanjang dua bar (C' ke C). Guru memainkan not C satu bar dan not E satu bar selepas itu menurun dari G ke C.***

## Lalala

♩ = 100

la la la la la la la la la la la la

3  
la la la la la la la la

5  
la la la la la la la la

7  
la la la la la la la la la la la la la la la la

9  
la la la la la

Proses aktiviti bertindak kepada pic:

- Murid diminta berbaris dalam satu barisan dan apabila guru memainkan satu not yang sama berulang-ulang murid diminta berjalan mengikut tempo untuk menunjukkan bunyi yang sama.
- Apabila guru memainkan not yang menaik, daripada kedudukan berdiri, murid membengkokkan lutut untuk merendahkan diri seterusnya murid perlahan-lahan menaikkan diri untuk menunjukkan berlakunya pergerakan pic yang menaik.
- Apabila guru memainkan not menurun, murid diminta menurunkan badan mereka sedikit demi sedikit dengan membengkokkan lutut mengikut pergerakan pic yang menurun.



### Latihan 2

Anda dikehendaki mencadangkan satu cara yang lain bagaimana boleh murid membezakan pic yang tinggi, rendah, dan setara dengan berpandukan contoh yang telah diberikan di atas. Catit dan simpankan dalam folio anda.

### 3. Aktiviti Improvisasi

Improvisasi merupakan cantuman atau tambahan kepada aktiviti eurythmics( pergerakan irama) dan solfege. Biasanya improvisasi tidak berlaku pada keseluruhan lagu hanya pada sebahagian dan pada bahagian yang tertentu dan sesuai sahaja.


Guru boleh meminta murid membuat improvisasi sendiri dengan menyambung lagu yang diberikan oleh guru dengan menggunakan kreativiti masing-masing. Sebagai contoh lagu di bawah **(a)** adalah lagu yang biasa kita dengar, manakala **(b)** adalah lagu yang telah dibuat improvisasi ke atasnya.

**(a)**

## TWINKLE-TWINKLE LITTLE STAR

FOLK SONG


C      Am      F      C      F      C      G7      C



Twin - kle twin - kle lit - tle star how I won - der what you are

G      F      C      G7      G      F      C      G7


5



up a - bove the sky so high like a dia - mond in the sky

C      Em      F      C      F      C      G7      C

9



Twin - kle twin - kle lit - tle star how I won - der what you are



(b)

# TWINKLE-TWINKLE LITTLE STAR

FOLK SONG

C Em F C F C G7 C

twin - kle twin - kle lit - tle star how I won - der what you are

G F C G7 G F C G7

5

up a - bove the sky so high like the dia - mond in the sky

C Em F C F C G7 C

9

twin - kle twin - kle lit - tle star how I won - der what you are



## Latihan 3

Anda diminta mencari satu lagu yang mudah atau contoh irama yang ringkas untuk murid membuat improvisasi. Catitkan pemerhatian anda untuk dibincangkan semasa aktiviti bersemuka.

#### 4 Aktiviti 'Inner Hearing'

Aktiviti untuk membantu murid meningkatkan 'inner hearing' .

Proses:

- Minta murid menyanyikan lagu Happy Birthday.
- Kemudian guru memberikan score solfa lagu tersebut. Minta murid melihat dan cuba menghafal solfa tersebut dengan menyanyikan melodi Happy Birthday.
- Kemudian guru mengarahkan murid agar menyanyikan solfa tersebut tanpa melihat pada score yang diberikan. Mereka harus menggunakan 'inner hearing' untuk menyanyikan solfa tersebut.

## Happy Birthday

so so la so do

2  
ti so so la so re

4  
do so so so mi do

6  
ti la fa fa mi do

8  
re do



#### Latihan 4

Dapatkan contoh lagu yang mudah untuk murid melakukan latihan 'inner hearing'. Catit dan simpankan pemerhatian anda dalam folio.

